



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BULETIN
PEJABAT PENDATAR**

Edisi ke-24/Mei 2016
ISSN 1996/2924

TERAS

<http://www3.utm.edu.my/pendaftar/teras>



Jawatankuasa
**MENGENAL
DASAR PEMISAH**

Kunjung Hormat
**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

**DASAR PEMISAH
UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**



3

Dasar Pemisah (Exit Policy)



5

Bengkel Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy)



8

Tempahan Tiket Kapal Terbang Gunakan Kad Korporat - Urusan Rasmi



9

Pelantikan Pusat Kesihatan UTeM Sebagai Klinik Panel UTeM



10

Kunjung Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM



11

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 dan Anugerah Sanjungan UTeM



17

Staf Naik Pangkat



21

Bengkel Akhir Penulisan PSSM 2015-2025 UTeM



23

Siri Taklimat Pentadbiran oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Kepada Staf UTeM



25

Staf UTeM Menghadiri Certified NLP Coach



36

Wacana Eksekutif Transformasi Pemacu Kecemerlangan Universiti



27

Konvensyen KIK Kali Ke-2 UTeM



39

Lawatan Penanda Aras Lean Management System di UPM



38

Bengkel Skim Ex-Gratia Bencana Kerja 2016

32

Graduate Ontime



37

Jom Masuk IPT 2016

Penaung
Datuk Hasan bin Sirun

Ketua Editor
Wahi bin Nordin

Editor
Noorazilah binti Mohamed

Sidang Redaksi
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Muhammad Iqbal bin Amdan
Erdalia Erna binti Daud
Noor Aswany binti Ses
Mohd Faiz bin Zulkifli
Azlina binti Amzah

Jurugambar
Asri bin Abu
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Supangi
Md Nor bin Mohamad Saleh

Pembaca Pruf
Nurhayati binti Mohd Shariff

Penulis/Wartawan
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin
Dr. Mohd Riduan bin Ahmad
Noorazilah binti Mohamed
Saiful Anuar bin Mohamad
Noor Bahirah binti Johal
Mohd Anas bin A'Denar
Azhar bin Mohd Salleh
Noor Aswany binti Ses
Norhida binti Md. Said
Ratnasaerah binti Azis
Dr. Aziah binti Khamis
Mahathir bin Mazizan

Reka Bentuk
Ratnasaerah binti Azis

Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin TERAS atas kejayaan menerbitkan Buletin Edisi Ke-2 pada tahun ini. Terima kasih juga kerana memberi kesempatan untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam Buletin ini

Menjadi hasrat pejabat ini untuk memastikan keperluan perkhidmatan staf universiti dapat dipenuhi. Pejabat Pendaftar turut menyalurkan maklumat yang diperlukan melalui Buletin TERAS selain Laman Web Pejabat Pendaftar. Harapan saya semoga Buletin TERAS dapat memenuhi keperluan maklumat semua pihak khususnya kepada staf Universiti.

Buletin TERAS turut diterbitkan bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada seluruh warga Universiti khususnya berhubung pelaksanaan aktiviti, program dan maklumat pentadbiran dan perkhidmatan bagi bacaan dan perkongsian ilmu kepada semua pihak.

Penerbitan Buletin ini juga selaras dengan keperluan untuk menyediakan keberkesanan perkhidmatan serta berkualiti kepada pemegang taruh bagi memastikan pemantapan tadbir urus Universiti. Selain itu, saya turut menghargai dan mengalu-alukan semua pihak untuk memberikan maklum balas agar budaya penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dapat direalisasikan.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pemegang taruh.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi TERAS. Kepada pembaca Buletin ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

Wahi bin Nordin
Ketua Editor
TERAS

DASAR PEMISAH (EXIT POLICY)

Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pelaksanaan Dasar Pemisah ini akan dapat mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan Perkhidmatan Universiti meningkatkan lagi daya saingnya dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang

Pelaksanaan Dasar Pemisah adalah merujuk kepada pegawai yang penilaian prestasi terkini berada pada tahap kurang daripada 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator – KPI) di bawah sasaran (below target), walaupun prestasi pada tahun-tahun sebelumnya mencapai lebih 60% atau KPI melepasi sasaran. Penilaian prestasi ini adalah berasaskan LPPT atau instrumen penilaian lain yang dibentuk oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan diluluskan oleh LPU termasuk penggunaan KPI.

Dasar ini akan dilaksanakan melalui penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di bawah peraturan 51, Peraturan-peraturan Pegawai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2015 / Seksyen 9 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan pegawai kemudiannya dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(d) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) bagi pegawai yang bertaraf berpencen atau di bawah Seksyen 6A(6) Akta 239 bagi pegawai yang memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



Pelaksanaan Dasar Pemisah ini akan dapat mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan Perkhidmatan Universiti meningkatkan lagi daya saingnya dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang selaras dengan matlamat mewujudkan Perkhidmatan Universiti yang berprestasi tinggi dan berintegriti.



Bagi memastikan penyampaian Perkhidmatan Universiti tidak terjejas, LPU akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan pegawai berprestasi rendah daripada perkhidmatan Universiti. Tindakan ini dilaksanakan melalui penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di bawah peraturan 51, Peraturan-peraturan Pegawai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2015 / Seksyen 9 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 tertakluk kepada fakta bagi setiap kes.

Penamatan perkhidmatan pegawai dalam kategori ini adalah dibuat setelah LPU mengambil kira prestasi, kelakuan, nilai-nilai kebergunaan pegawai kepada perkhidmatan, kegagalan pegawai untuk memenuhi apa-apa syarat perkhidmatan dan segala hal keadaan lain yang ditentukan oleh LPU. Dalam melaksanakan Dasar Pemisah ini, pertimbangan perlu dibuat, sama ada tindakan tatatertib lebih wajar terlebih dahulu ke atas pegawai berdasarkan salah laku yang berbangkit.

Faedah Pelaksanaan Dasar Pemisah

- 1** Mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi.
- 2** Meningkatkan daya saing dalam menghadapi cabaran persekitaran masa kini dan akan datang.
- 3** Mewujudkan perkhidmatan Universiti yang berprestasi tinggi dan berintegriti.





Senarai Ahli Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pemisah:

- | | |
|--|---|
| 1 Datuk Hasan bin Sirun Pendaftar/Pengerusi | 2 Encik Wahid bin Nordin Timbalan Pendaftar Kanan/ Timbalan Pengerusi |
| 3 Encik Zainal bin Bidin Timbalan Pendaftar Kanan | 4 Dr. Noor Raffidah binti Haron Pegawai Perubatan |
| 5 Encik Abd Aziz bin Mustapa Timbalan Pendaftar | 6 Puan Noorazilah binti Mohamed Penolong Pendaftar Kanan |
| 7 Puan Idamurni binti Ismail Penolong Pendaftar Kanan | 8 Puan Norma Hayati binti Hashim Penolong Pendaftar Kanan |
| 9 Puan Norihan binti Abu Nawar Penolong Pendaftar Kanan | 10 Puan Norhafizah bt Md Yusoh Penolong Pendaftar Kanan |
| 11 Puan Nur Fazilah binti Mohd Kassim Penolong Pendaftar | 12 Encik Mohamad Razali bin Adduman Penolong Pendaftar |
| 13 Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa Pegawai Psikologi | 14 Puan Afiana binti Hussin Pegawai Undang-Undang |
| 15 Puan Siti Norashikin binti Mohd Yunus Pegawai Undang-Undang | 16 Puan Faridah binti Ahmad Ketua Pembantu Tadbir |

Peranan Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pemisah:

- 1 Jawatankuasa Mengkaji ini akan berperanan untuk memperincikan dan memperhalusi tatakara bagi penubuhan tiga (3) jawatankuasa Dasar Pemisah iaitu:
 - i) Panel Penilaian Prestasi Khas (PPPK)
 - ii) Panel Penilai Dasar Pemisah (PPDP)
 - iii) Panel Pemantauan dan Penilaian Prestasi (PPPP)
- 2 Mengkaji dan memperhalusi tatakara Prosedur Dasar Pemisah
 - i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi
 - ii) Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- 3 Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian
 - i) Program intervensi dan pembangunan yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi
 - ii) Program kursus kompetensi dan latihan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.
- 4 Penubuhan Lembaga Perubatan
- 5 Faedah Persaraan

Bengkel Buku Panduan PELAKSANAAN DASAR PEMISAH (EXIT POLICY)

Bagi Staf Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Beberapa siri-siri Bengkel Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diadakan bersama ahli jawatankuasa bagi menghasilkan buku panduan yang akan digunapakai di dalam melaksanakan fasa-fasa dalam dasar pemisah. Berikut adalah ahli jawatankuasa yang telah dilantik oleh pihak Universiti:



Pelaksanaan Siri Bengkel Buku Panduan Dasar Pemisah

- 1 Bengkel Buku Panduan Dasar Pemisah UTeM Siri 1
Tarikh: 4 Mei 2016
Tempat: Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar
- 2 Bengkel Buku Panduan Dasar Pemisah UTeM Siri 2
Tarikh: 5 Mei 2016
Tempat: Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar
- 3 Bengkel Buku Panduan Dasar Pemisah UTeM Siri 3
Tarikh: 9 Mei 2016
Tempat: Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar




TEMPAHAN TIKET KAPAL TERBANG GUNAKAN KAD KORPORAT

URUSAN RASMI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyediakan kemudahan perjalanan melalui kapal terbang selaras dengan Perintah Am Bab B. Kemudahan perkhidmatan ini dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar. Masa kini, urusan membuat tempahan tiket kapal terbang staf bagi urusan rasmi, dikendalikan sendiri oleh Penyelaras Tempahan Tiket Kapal Terbang di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah dilantik.

Mulai tahun 2011, berdasarkan Surat Edaran Pentadbiran Bil. 17 Tahun 2011, staf UTeM dibenarkan membuat tempahan secara *online* melalui internet secara terus kepada syarikat penerbangan. Namun begitu tempahan tiket kapal terbang masih boleh dilaksanakan mengguna perkhidmatan Panel Tiket Kapal Terbang yang telah dilantik oleh UTeM, terutama bagi tempahan tiket ke luar negara dan staf cuti belajar.

Sebagai langkah penjimatan, UTeM telah memperkenalkan tempahan tiket kapal terbang menggunakan Kad Korporat Universiti (kad kredit) selaras dengan Surat Pekeliling Bendahari Bil.9 Tahun 2015. Kad Korporat digunakan untuk menempah tiket secara online. Ia akan ditempah oleh Penyelaras Tempahan Tiket Kapal Terbang peringkat PTJ di mana setiap Penyelaras diberi had kredit sebanyak RM5,000.00. Namun begitu prosedur kewangan hendaklah diikuti dan setiap PTJ hendaklah memastikan peruntukan kewangan mencukupi. Borang tempahan tiket kapal terbang secara *online* perlu dilengkapi dan mesti mendapat kelulusan Ketua PTJ terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tempahan. Disertakan di bawah ini keseluruhan proses tempahan tiket kapal terbang umumnya dengan memberi penekanan terhadap tempahan menggunakan kad korporat.



PELANTIKAN PUSAT KESIHATAN UTeM Sebagai KLINIK PANEL UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah bersetuju melantik Pusat Kesihatan Universiti sebagai Klinik Panel UTeM, mulai 15 September 2015. Pusat Kesihatan Universiti (PKU), sebelum ini dikenali sebagai Klinik Pelajar UTeM dan mulai Oktober 2014 berdasarkan penstrukturan dan pengorganisasian semula UTeM, Klinik Pelajar UTeM dikenali sebagai Pusat Kesihatan UTeM (PKU).

Antara objektif utama pemilihan PKU sebagai Klinik Panel adalah untuk menyediakan kemudahan rawatan secara "in-house" yang boleh dinikmati oleh semua warga UTeM seperti termaktub dalam Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara UTeM dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di UTeM.

Pusat Kesihatan UTeM menyediakan kemudahan perkhidmatan perubatan yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan dan ahli Paramedik terlatih bagi memberikan perkhidmatan pesakit luar kepada pelajar dan staf.

Dengan pelantikan Pusat Kesihatan UTeM sebagai Klinik Panel Universiti, semua staf UTeM, pasangan staf dan anak yang berkelayakan adalah digalakkan untuk mendapatkan rawatan dan bekalan ubat-ubatan di Pusat Kesihatan UTeM.

Sehingga kini, UTeM telah melantik 47 buah Klinik Swasta di sekitar Melaka, Muar dan Kajang yang bertujuan untuk memberikan kemudahan perubatan kepada staf selaras dengan Perintah Am Bab F selain daripada kemudahan yang disediakan oleh Klinik dan Hospital Kerajaan. Kemudahan ini dipanjangkan kepada pasangan staf dan anak-anak staf yang berkelayakan seperti termaktub dalam Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara UTeM dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di UTeM.

فوسٲ كصیحٲن PUSAT KESIHATAN





Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Kunjung Hormat PENGURUSI LEMBAGA PENGARAH Universiti Teknikal Malaysia Melaka

3 Mac 2016 – Berkuat kuasa 16 Februari 2016, YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi tempoh tiga tahun sehingga 15 Februari 2019. Kesenambungan daripada lantikan ini, pihak Pengurusan Universiti telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat beliau di MERCU UEM.

Kunjungan hormat yang diketuai oleh Naib Canselor ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti), Pendaftar dan Penasihat Undang-undang bertujuan memperkenalkan barisan pengurusan Universiti serta memberikan perkembangan ringkas mengenai Universiti.

YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc juga merupakan Pengerusi Syarikat UEM Group Berhad, PLUS Expressways International Berhad, Linde Malaysia Holdings Berhad, Construction Industry Development Board (CIDB) dan SIRIM Berhad serta Presiden Akademi Sains Malaysia. Pengalaman luas beliau dalam tadbir urus syarikat-syarikat terkemuka negara ini diharapkan akan membantu melonjakkan nama Universiti di peringkat antarabangsa.

Kunjungan hormat hampir dua jam tersebut berakhir dengan penyerahan cenderahati daripada YBhg. Datuk Naib Canselor kepada YBhg. Tan Sri Pengerusi LPU sebagai tanda ucapan terima kasih di atas kesudian menerima kunjungan tersebut.



Oleh: Norhida binti Md Said

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 dan Anugerah Sanjungan UTeM





Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berdasarkan Pusat Tanggungjawab

Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof
Mohd Isa bin Mohd Dom

KETUA PTJ

Norasiah binti Mat Said
Siti Norashikin binti Mohd Yunus
Khairul Razik bin Mohamad Isa
Shahril Hazizi bin Abu Bakar

CANSELORI

Nazarina binti Abdul Nasser
Nordin bin Aman

PEJABAT TIMBALAN
NAIB CANSELOR
(Penyelidikan & Inovasi)



Prof. Madya Dr. Jariah binti Mohamad Juoi
Mohd Fahim bin Mohd Mokhtar
Asmadi bin Md Daud
Jasmi bin Johari

PEJABAT TIMBALAN NAIB
CANSELOR (Akademik &
Antarabangsa)

Zainudin bin Ahmad
Azly Hisham bin Haron
Ahmad Fadzil bin Mohamad
Mohsin bin Kamaruzaman
Norhasrinda binti Nazri
Anne A/P Sinapan
Noreliza binti Adam
Siti Roheizah binti Mohni
Noradila binti Abd Rahim

Syamsul Iqbal bin Hj. Mohd Akin
Rohayati binti Abdullah
Norshuadah binti Md Elah

PEJABAT PENOLONG NAIB
CANSELOR (Jaringan Industri
& Masyarakat)

Imran Syakir bin Mohamad
Norizan bin Khalid
Aiza Azwadi bin Abdul Wahab
Yahaya bin Mohd Amin
Roslan bin Akup
Azlan bin Ahmad
Mohd Huzaimi bin Ghazali
Ab. Hamid bin Aziz
Asmizal bin Jamil
Mohd Azhar bin Aziz
Naslinda binti Nasari
Ainur Insyirah binti Ramle

PEJABAT PENOLONG NAIB
CANSELOR (Pembangunan
dan Pengurusan Fasiliti)

PEJABAT TIMBALAN NAIB
CANSELOR (Hal Ehwal
Pelajar)

Laila Zahidah binti A. Rahman
Ratnasaerah binti Azis
Abdul Rahman Rosli bin Mahmood
Noralisa binti Ramlee
Siti Aisya binti Daud
Normalisza binti Mustapa
Shahrul Anuar bin Ramli
Azhar bin Ismail
Zulkifli bin Mohd Rasid

PEJABAT PENDAFTAR

Mohd Syairazi bin Razali
Mohd Afiq bin Hashim
Mariaty binti Mohd Saat
Rohana binti Nahrawi
Zainab binti Amir
Aimi Nazihah binti Md Yusoh
Nadzirah binti Mohamad Noor

PEJABAT BENDAHARI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 dan Anugerah Sanjungan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan pada 30 Mac 2016 bertempat di Dewan Besar, UTeM. Pada majlis ini, pihak Universiti meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), calon bagi Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) di samping mengiktiraf dan menghargai mereka yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun secara berterusan dalam perkhidmatan kerajaan menerusi Anugerah Jasa Bakti.

Majlis yang diadakan ini merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan pihak Universiti kepada warga UTeM yang telah menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan yang lebih penting telah memenuhi kehendak pemegang taruh dan kumpulan sasar.

Bilangan penerima Anugerah:

- i) Calon Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2015: 2 orang
- ii) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015: 173 orang
- iii) Anugerah Jasa Bakti: 2 orang

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Seramai 173 staf UTeM yang terdiri daripada pelbagai skim dan gred jawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun penilaian 2015. Anugerah ini merupakan penyubur semangat dan pendorong untuk semua warga UTeM berkhidmat dengan lebih baik dalam persaingan secara sihat ke arah peningkatan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam.

Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 "Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam", staf yang menerima APC akan diberikan insentif dan hadiah seperti berikut:

- 1 Sijil perkhidmatan cemerlang;
- 2 Sijil Simpanan Premium sebanyak RM1,000.00;
- 3 Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar, atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- 4 Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjan kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- 5 Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon
Dr. Mohd Luqman bin Mohd Jamil
Dr. Hidayat bin Zainuddin
Dr. Rozaimi bin Ghazali
Dr. Maaspaliza binti Azri
Nur Rafiqah binti Abdul Razif
Mohd Safirin bin Karis
Mohamad Faizal bin Baharom
Nur Hasriha binti Mohamad
Mohd Safar bin Adim
Norliah binti Mahat
Mohamad Helman bin Abd Rahman

Al Rohaiya binti Adanan

PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI DAN RISIKO

Norsuhada binti Mansor

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER

Dr. Mohd Shakir bin Md Saat
Dr. Zamre bin Abd Ghani
Dr. Abd Majid bin Darsono
Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim
Dr. Low Yin Fen
Dr. Anis Suhaila binti Mohd Zain
Dr. Khairuddin bin Osman
Mohd Shahril Izuan bin Mohd Zin
Nor Azlan bin Mohd Aris
Md Jais bin Ibrahim
Mohd Sufian bin Abu Talib
Azmi bin Zakaria
Mahathir bin Mahat

Hanizam bin Hashim
Mohd Saad bin Hamid.
Mohd Hanif bin Che Hasan
Mohd Soufhwee bin Abd Rahman
Mohd Faruq bin Abdul Latif
Eliyana binti Ruslan
Ir. Nik Azran bin Ab Hadi
Qamar Fairuz bin Zahmani
Najiyah Safwa binti Khashi'ie
Suziana binti Ahmad
Yusliza binti Yusuf
Syahrul Hisham bin Mohamad @ Abd Rahman
Aiman Zakwan bin Jidin
Mohd Suffian bin Ab Razak
Mohd Kamal bin Musa
Azhan bin Abdul Raub
Izwan bin Hamdan
Khairul Fitri bin Zainal
Ahmad Fitri bin Adam
Zulkifli bin Ibrahim

Dr. Sazelin binti Arif
Dr. Norliah binti Kudus
Dr. Kalthom binti Husain
Mohd Fauzi bin Kamarudin
Mohd Shamsuri bin Md Saat
Mohd Faliq bin Mohd Zaki

PUSAT BAHASA & PEMBANGUNAN INSAN

Nor Sabrina binti Abdul Malek
Rozana binti Abu Bakar
Mohd Hanafi bin Hassan
Noor Hafizah binti Ahmad Tajuddin
Alias Sukri bin Khairudin
Nor Reha binti Muslim

PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI

Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah
Dr. Mohd Zaid bin Akop
Dr. Nurfaizey bin Abdul Hamid
Dr. Rafidah binti Hasan
Dr. Siti Hajar binti Sheikh Md Fadzullah
Dr. Muhd Ridzuan bin Mansor
Dr. Fatimah Al-Zahrah binti Mohd Sa'at
Dr. Omar bin Bapokutty
Marsita binti Mohd Taib
Nor Izwan bin Junoh
Mohd Yuszrin bin Md Yacob
Suhaila binti Mohd Yusof
Jufri bin Mohamad Nor
Faizol bin Kamarul Zahari

Prof. Madya Ir. Dr. Puvanasvaran A/L A. Perumal
Dr. Mohd Amri bin Sulaiman
Dr. Seri Rahayu binti Kamat
Dr. Zurina binti Shamsudin
Dr. Syahriza binti Ismail
Dr. Mohd Shukor bin Salleh
Abdul Rahim bin Samsudin
Ruzaidi bin Zamri
Mohd Hisham bin Nordin
Mohd Farihan bin Mohammad Sabtu
Bahatiar bin Zaid
Fadzly bin Nordin

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL



Nurul Akmar binti Mehat
Mohamad Azhari bin Johari
Nooraidillah binti Rasdi
Ahmad bin Abu Bakar
Hafizah binti Mohamad
Lela binti Omar

PERPUSTAKAAN

Fatonah binti Salehuddin
Nurulidayu binti Talib

PENERBIT UNIVERSITI

Dr. Siti Rahayu binti Selamat
Dr. Zurina binti Sa'aya
Dr. Siti Azirah binti Asmai
Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya
Dr. Aslinda binti Hassan
Dr. Robiah binti Yusof
Maslita binti Abd Aziz
Yahya bin Ibrahim
Shahrul Badariah binti Mat Sah
Norazlin binti Mohammed
Mohd Kamal Tarmizi bin Razak
Norasmara binti Mahmud
Norhafizan bin Md Yusof

Dr. Chew Boon Cheong
Dr. Norain binti Ismail
Dr. Norhidayah binti Mohamad
Norizah binti Mat

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

Ardiana binti Hj. Abdul Latif

PUSAT ISLAM

Amir Akmal bin Alwee
Mokhtar bin Ibrahim
Nasri bin Md. Yusof
Mohd Hasrin bin Hasan
Mohd Rafi bin Ramli
Mohamad Nizzan bin Mohd Said
Sabtu bin Sahat
Mohd Khairuddin bin Selamat
Abdul Zaini bin Abdullah

PEJABAT PEMBANGUNAN

Tahniah Staf Naik Pangkat 2016

Wartawan: Noor Bahirah binti Johal

Staf Akademik



PENERIMA ANUGERAH JASA BAKTI (AJB)

Noornahar binti Akashah
Dr. Seri Rahayu binti Kamat

PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)

Pingat ini diberi kepada staf yang mempunyai kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi. Pingat ini dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui status Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan diiktiraf sebagaimana pingat-pingat lain yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Staf yang menerima PPC akan menerima insentif seperti berikut :-

- 1 Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang;
- 2 Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang;
- 3 Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00;
- 4 Peluang bagi pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;

5 Peluang untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri; Penganugerahan PPC diadakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penerima bagi calon PPC adalah:

- 1 **Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**
Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi
- 2 **Profesor Madya. Dr. Mohd Fazdli bin Abdollah**
Profesor Madya, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Profesor Madya Dr. Abdul Rahim bin Abdullah
Profesor Madya (DS54)



Profesor Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon
Profesor Madya (DS54)



Profesor Madya Dr. Mohd Fazdli bin Abdollah
Profesor Madya (DS54)



Profesor Madya Dr. Kok Swee Leong
Profesor Madya (DS54)



Loi Wei Sen
Pensyarah Kanan (DS52)



Ahmad Aizan bin Zulkefle
Pensyarah Kanan (DS52)



Mohd Shahril bin Ahmad Khair
Pensyarah Kanan (DS52)



Mohd Zulkifli bin Ramli
Pensyarah Kanan (DS52)



Muhammad Zulfattah bin Zakaria
Pensyarah Kanan (DS52)



Noorsaiyidah binti Şuradi
Guru Bahasa (DG44)

Tahniah Staf Naik Pangkat 2016

Wartawan: Noor Bahirah binti Johal

Staf Pentadbiran



Datin Azzilla Binti Ahmad
Pegawai Kewangan (W44)



Noraliza Binti Yusof
Pegawai Kewangan (W44)



Arman Bin Mohammad
Pustakawan (S48)



Azman Bin Hj Ayup
Pustakawan (S48)



Hayani Binti Abu Yamin
Pegawai Teknologi Maklumat (F48)



Mohd Radzif Bin Abd Hamid
Pegawai Teknologi Maklumat (F48)

Pemangkuan PNP



Norhazlena Binti Sabtu
Pegawai Teknologi Maklumat (F52)



Samsul Bin Samdin
Pegawai Teknologi Maklumat (F52)

Tahniah Staf Naik Pangkat 2016

Wartawan: Noor Bahirah binti Johal



PROFESOR MADYA DR. MOHD FADZLI BIN ABDOLLAH
ROFESOR MADYA GRED DS54
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurniaNya saya telah diberi rezeki dan berjaya dalam eksesis kenaikan pangkat ke DS54. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada UTeM umumnya dan FKM khususnya kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berkhidmat kepada Universiti ini. InsyAllah saya akan terus berusaha dan mempertingkatkan kualiti kerja saya demi kecemerlangan universiti, Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada rakan-rakan seangkatan semua. Terima kasih. Wassalam.

"Dengan tulus ikhlas saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pentadbiran Tertinggi UTeM dalam memupuk semangat dan memberi peluang kepada semua staf akademik yang berusaha gigih untuk terus memajukan diri ke tahap yang lebih tinggi. Dengan kenaikan pangkat dari Pensyarah Kanan ke Profesor Madya ini bermaksud tanggungjawab dan harapan daripada universiti dan masyarakat menjadi lebih tinggi. Usaha yang ditaburkan sebelum ini bukan saja perlu diteruskan malah perlu ditingkatkan. Saya mengamalkan prinsip mengambil inisiatif dan percaya bahawa:

"We should be taught not to wait for inspiration to start a thing. Action always generates inspiration. Inspiration seldom generates action" - oleh Frank Tibot

dan sentiasa mengingatkan diri bahawa tiada kejayaan datang mengolek dengan senang. Dengan demikian saya berjanji akan berkerja lebih keras untuk menyahut cabaran UTeM untuk terus cemerlang, gemilang dan terbilang".

Syukur Alhamdulillah! Saya merasa gembira dan percaya bahawa rezeki adalah ketentuanNya. Insya-Allah saya akan berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin serta meningkatkan komitmen secara berterusan demi melonjakkan prestasi UTeM dan Perpustakaan khususnya. Tegurlah saya sekiranya tersilap semoga kita semua sama-sama berjaya.



AZMAN BIN HJ. AYUP
PUSTAKAWAN GRED S48
PERPUSTAKAAN

PROFESOR MADYA DR. KOK SWEE LEONG
PROFESOR MADYA GRED DS54
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN
KEJURUTERAAN KOMPUTER

Tahniah Staf Naik Pangkat 2016

Wartawan: Noor Bahirah binti Johal



HAYANI BINTI ABU YAMIN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F48
PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI

Alhamdulillah segala puji bagi Allah. Syukur di atas segala nikmat dan rezeki dariNya. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan universiti yang memberi kepercayaan dan sokongan kepada saya bagi memikul tanggungjawab yang lebih besar. Terima kasih juga diucapkan kepada semua warga PPPK khususnya yang sentiasa membantu dan memberi kerjasama dalam melaksanakan tugas. Semoga dengan kejayaan ini menjadi pengukur semangat untuk saya meningkatkan kecemerlangan demi kejayaan universiti keseluruhannya.



NORALIZA BINTI YUSOF
PEGAWAI KEWANGAN GRED W44
PEJABAT BENDAHARI

Terlebih dahulu saya ingin melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran dan Alhamdulillah ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya saya mendapat peluang kenaikan ini. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan Pejabat Bendahari dan kesemua staf kewangan kerana kita bersama-sama belajar membina, membentuk dan berkongsi ilmu atas tanggungjawab yang diamanahkan. Kepercayaan ini akan saya laksanakan sebaik-baiknya dengan kerjasama dan sokongan semua. Insha-Allah. Terima kasih.

"Hidup itu indah. Setiap nikmat yang ada membuat kita merasa bersyukur. Dan setiap musibah yang mendatang semakin menambah untuk terus bersyukur. Allah telah susun sebaik-baiknya untuk kita. Ingatlah rahmat Allah seluas lautan".



Oleh: Saiful Anuar bin Mohamad

BENGKEL AKHIR PENULISAN PSSM PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA 2015-2025 UTeM



Bengkel Akhir Penulisan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2015-2025 UTeM telah diadakan pada 17 hingga 18 Oktober 2015 bertempat di Hotel Klana Resort, Seremban yang dipengerusikan oleh Ketua Fasilitator, YBhg. Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof.


Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak, menambahbaik dan membuat ketetapan akhir terhadap isi kandungan buku PSSM 2015-2025 UTeM sebelum ia dilancarkan secara rasmi pada April 2016. Para peserta yang hadir adalah seramai 30 orang bagi mewakili tujuh (7) teras strategik yang dibangunkan dalam PSSM 2015-2025 UTeM.

PSSM UTeM 2015-2025 ini juga dibentuk bagi menangani tadbir urus Universiti yang kompleks dari segi sosial, moral dan ekonomi yang saling berkait di antara satu sama lain. Pemahaman terhadap tadbir urus Universiti amat perlu dalam mencapai visi dan aspirasi negara untuk menghasilkan Universiti yang bertaraf dunia pada masa akan datang



Penganjuran siri taklimat ini bertujuan memberi kefahaman yang menyeluruh kepada staf UTeM amnya dan pentadbir khususnya berhubung dengan dasar-dasar perkhidmatan di dalam Kerajaan supaya maklumat dari JPA ini dapat memperingkatkan lagi pengetahuan terutamanya kepada pentadbir di dalam memberi perkhidmatan yang terbaik bagi tadbir urus Universiti.

Di samping itu, pelaksanaan taklimat oleh pihak JPA ini memberi peluang dan ruang kepada para pentadbir dan staf UTeM untuk perkongsian ilmu serta mendapatkan input daripada penggubal dasar agar isu-isu yang berkaitan dapat dirungkai-



Oleh: Azhar bin Mohd Salleh

Staf UTeM Menghadiri **CERTIFIED NLP COACH**



UTeM melalui Pejabat Pendaftar, telah menghantar peserta bagi program Certified Neuro Linguistic Programming (NLP) Coach Sesi 6, pada 15-20 Februari 2016 bertempat di Pasir Salak Eco Resort, Kampung Gajah, Teluk Intan, Perak untuk tempoh 6 hari. Seramai 7 orang staf telah dihantar bagi sesi 6 dan jumlah keseluruhan staf UTeM yang telah menghadiri kursus ini seramai 29 orang. Senarai staf yang menghadiri kursus bagi sesi 6 ini adalah seperti di bawah:

1. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
2. Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof
3. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
4. Dr. Hazmilah binti Hasan
5. Dr. Zanariah binti Jano
6. En. Azhar bin Mohd Salleh
7. En. Mohd Radzif bin Abd Hamid





Melalui program Certified NLP Coach, peserta telah didedahkan teknik NLP dan *Coaching* yang mana kedua-dua teknik ini mempunyai kombinasi yang unggul dan berkesan. Melalui kaedah yang digunakan, seseorang akan dapat menyerlahkan lagi potensi diri untuk mencapai kecemerlangan di mana kaedah ini akan dapat membuka dan menyedarkan diri serta menunjuk cara untuk menggunakan sumber daya diri dengan lebih baik lagi. *Coaching* adalah sesi "perbualan" yang serius dan mendalam dengan coach sebagai fasilitator melalui soalan-soalan utama atau soalan meta.

Melalui *coaching*, pencapaian matlamat dan penyelesaian masalah klien dapat dibuat dengan lebih mudah dan teratur. Hanya meningkatkan kesedaran dan penerimaan diri dengan keadaan yang ada sekarang. Penekanan mengenai tanggungjawab kepada diri juga dibuat sebelum eksplorasi untuk mencapai hasil melalui tugas bersama. Melalui kaedah *coaching*, terdapat faedah yang diperolehi oleh klien seperti:


- Meningkatkan produktiviti kerja
- Kesedaran dan penerimaan diri yang lebih tinggi
- Meningkatkan keberkesanan komunikasi
- Mempertingkatkan tahap tenaga
- Mengembangkan perspektif melalui kaedah kerangka semula (*re-framing*)
- Menghasilkan pilihan yang lebih baik
- Kesedaran yang lebih baik kepada sumber yang ada
- Meningkat kreativiti dan inovasi
- Struktur yang lebih jelas untuk perubahan dan mengambil tindakan



Kaedah dan pendekatan yang digunakan sepanjang tempoh kursus iaitu kaedah ceramah, latihan amali *coaching* secara praktikal dengan penanda aras, *game* minda, tugas individu dan kumpulan, sesi soal jawab, pendekatan real case/*real model* dan penilaian ujian pemahaman, amat berkesan kepada para peserta untuk memahami dan mempraktikkan NLP. Semua peserta juga dikehendaki membuat latihan amali *coaching* secara praktikal sebanyak 6 kali dengan penanda aras 7 kemahiran seperti berikut:

- Mengendalikan diri.
- Membina *rapport* dan sokongan.
- Soalan berkualiti.
- Soalan melingkar dan eksplorasi minda.
- Pendengaran aktif.
- Membina realiti dan tugas bersama.
- Memberi dan menerima maklumbalas.

Setelah tamat kursus ini, peserta telah diminta untuk membuat dua sesi *coaching* sebenar untuk tempoh 45 minit setiap sesi bagi tujuan mendapatkan pensijilan penuh dan perlu merakam sesi *coaching* dan menghantar ke pihak konsultan dalam tempoh 2 bulan setelah tamat kursus ini.



program
Oleh: Ratnasaserah binti Azis

Konvensyen KIK KALI KE-2 UTeM



"Inovasi bukan sahaja berperanan sebagai langkah kreatif menyelesaikan masalah, bahkan turut merungkai kebuntuan akibat peraturan-peraturan lama yang membelenggu fikiran dalam perkhidmatan universiti."

Pada 20 Januari 2016, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengu- rusan, Pejabat Pendaftar selaku urus setia Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah berjaya menganjurkan Konvensyen KIK Kali Ke-2 Peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi UTeM.



**KUMPULAN Go-SaVE
JOHAN KATEGORI PENGURUSAN**



Konvensyen KIK UTeM Kali Ke-2 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM. Menurut beliau, "Inovasi bukan sahaja berperanan sebagai langkah kreatif menyelesaikan masalah, bahkan turut merungkai kebuntuan akibat peraturan-peraturan lama yang membelenggu fikiran dalam perkhidmatan universiti. Anugerah inovasi dan pewujudan Kumpulan KIK merupakan mekanisme untuk menggalakkan setiap warga uiversiti memberi dan berkongsi idea-idea kreatif dan bernas." Beliau turut menegaskan, komuniti KIK perlulah diwujudkan di setiap Pusat Tanggungjawab.

Sebanyak lapan (8) Kumpulan dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah menyertai Konvensyen KIK UTeM Kali Ke-2 ini. Terdapat lima (5) Kumpulan terdiri daripada kategori Pengurusan manakala kategori Teknikal pula terdiri daripada tiga (3) Kumpulan. Kumpulan diadili oleh tiga (3) orang Panel Penilai iaitu Encik Kamaruzaman bin Kasim dari KZK Consulting (Ketua Panel), Encik Hasrizal bin Zainul dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Encik Mazuan bin Salih dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



**KUMPULAN InCOME
NAIB JOHAN KATEGORI PENGURUSAN**



Tujuan utama konvensyen ini diadakan adalah untuk mencungkil idea yang berinovasi di kalangan kakitangan UTeM serta menjadikan kakitangan UTeM lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan fungsi atau proses kerja yang lebih cekap serta lebih berkesan dan turut memberi impak yang tinggi kepada organisasi.

Majlis Penutup Konvensyen telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada kumpulan yang bertanding dan mengharapkan agar budaya berinovasi di UTeM dapat diteruskan dan secara tidak langsung dapat melahirkan kakitangan yang sentiasa berfikir di luar lingkungan kotak, berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif.

Majlis ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang konvensyen. Berikut adalah senarai pemenang serta nilai hadiah bagi Konvensyen KIK UTeM Kali Ke-2.



KATEGORI PENGURUSAN

| NAMA KUMPULAN | PTj | NILAI HADIAH | KEDUDUKAN |
|---------------|---------------------|-----------------------------|---------------------|
| Go-SaVE | FKE | RM 5,000.00, Plak dan Sijil | Johan |
| InCOME | Pejabat Pendaftar | RM 3,000.00, Plak dan Sijil | Naib Johan |
| TECH & GO | FTK | RM 2,000.00, Plak dan Sijil | Tempat Ketiga |
| KECEPER | Penerbit Universiti | RM500.00 | Saguhati |
| FAME | FKP | RM500.00 | Saguhati |
| KECEPER | Penerbit Universiti | RM1,000.00 | Persembahan Terbaik |

KATEGORI TEKNIKAL

| NAMA KUMPULAN | PTj | NILAI HADIAH | KEDUDUKAN |
|---------------|-------------|-----------------------------|---------------------|
| GoGreen | FKM | RM 5,000.00, Plak dan Sijil | Johan |
| FTK-ONE | FTK | RM 3,000.00, Plak dan Sijil | Naib Johan |
| G-MART | Pembangunan | RM 2,000.00, Plak dan Sijil | Tempat Ketiga |
| GoGreen | FKM | RM1,000.00 | Persembahan Terbaik |



**KUMPULAN GoGreen
JOHAN KATEGORI TEKNIKAL**

Pihak urus setia Konvensyen KIK UTeM mengucapkan tahniah kepada pemenang dan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat memberi kerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Konvensyen KIK UTeM Kali Ke-2 ini. Segala bantuan dan sokongan yang diberikan amat dihargai.



**KUMPULAN FTK-ONE
NAIB JOHAN KATEGORI TEKNIKAL**



Graduate ON TIME

Coretan ini hanyalah sedikit perkongsian pengalaman setelah memegang status pelajar PhD di salah sebuah universiti tertua di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama 3 tahun. Mungkin sedikit pengalaman yang pernah saya alami ini dapat menjadi panduan pada anda yang sedang dan merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Berharap sedikit perkongsian disini sedikit sebanyak dapat menjadi pembakar semangat dalam perjuangan menghabiskan pengajian anda semua.

Ternyata banyak pengajaran yang saya perolehi bersama HS. Beliau seorang yang sangat rajin, bekerja keras, sangat mementingkan kualiti kerja dan bersikap terbuka terutama dalam perbincangan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Dan sememangnya budaya kerja HS, semua pelajar hendaknya berada di makmal yang disediakan agar dia dapat berbincang dan bertemu dengan pelajar pada bila-bila masa sahaja.

"Faktor pemilihan supervisor adalah perkara paling utama bagi seorang pelajar PhD.

Ya, memang benar hasil penyelidikan adalah hasil kita namun sejauh mana hasil PhD itu adalah masih dalam kebergantungan daripada supervisor tersebut bagi menilai adakah penyelidikan tersebut sudah cukup untuk dimeritkan mahupun tidak"



Masih teringat lagi pada tahun 2011 yang lalu, atas inisiatif sendiri serta bagi memuaskannya sendiri, saya telah pergi berbincang dengan supervisor dengan lebih terperinci mengenai penyelidikan yang bakal dijalankan selain ingin melihat sendiri segala kemudahan asas yang disediakan. Pada masa perbincangan tersebut, segala persoalan mengenai penyelidikan yang bakal dijalankan termasuk juga mengenai kontrak supervisor juga ditanya.

Ini memandangkan supervisor saya adalah pensyarah kontrak daripada Maldives, jadi sebarang kebarangkalian seperti penghabisan kontrak di UKM harus diketahui terlebih dahulu.

Penambahan kontrak HS (supervisor) selama 3 tahun adalah berpadanan dengan masa yang diberikan oleh pihak KPT serta UTeM bagi staf yang melanjutkan pengajian ke peringkat PhD. Jadi ia juga merupakan salah satu sasaran yang saya buat di awal pengajian bagi mengelakkan ketiadaan HS jika penambahan masa pengajian dilakukan.

Jadi tidak hairanlah jika di awal pengajian dahulu, HS akan sentiasa membuat pemeriksaan mengejut setiap hari tidak kira waktu sama ada pagi, tengahari mahupun petang. Kadangkala saya sendiri tidak perasan kemunculan beliau secara tiba-tiba dan bertanya apa yang sedang dilakukan dan bagaimana pencapaian ketika ini. Selain itu, sememangnya dalam kumpulan penyelidikan di UKM ini menitik beratkan perbincangan sesama ahli penyelidik bagi tujuan perkongsian idea dan membantu sesama sendiri jika terdapat sebarang permasalahan sepanjang kerja penyelidikan dijalankan.

Sudah tentu saya juga seperti pelajar yang lain menghadapi permasalahan dalam memastikan momentum kerja yang boleh diibaratkan seperti roller coaster itu. Adakalanya apabila merasa tertekan, pernah juga saya terfikir mengapalah jalan yang sukar ini dipilih dan adakalanya terasa ingin menarik diri dari pengajian.

Namun begitu, segala kesedihan dan rintihan selalu dikongsi bersama mereka di sekeliling serta cinta hati saya. Suntikan serta kata-kata semangat serta doa yang tidak putus-putus daripada mereka yang menjadi kekuatan dan pendorong untuk saya menamatkan pengajian. Di samping menghadapi tekanan yang amat berat itu, saya terus memandangi segala cabaran itu di satu sudut yang lebih positif. Kebiasaannya, saya berikan masa sehari untuk membiarkan diri berasa sedih, kecewa selepas dimarahi supervisor ataupun selepas eksperimen tidak menjadi.



Namun, saya akan pastikan saya segera pulih semula dan kembali positif bagi meneruskan semula segala kerja yang sememangnya sentiasa banyak menunggu itu. Bagi saya, tidak kira walau sedikit pun kerja itu kita lakukan, sekurang-kurangnya ada juga yang siap daripada dibiarkan dengan hanya merintih kesedihan dan kesukaran tanpa melakukan apa-apa.

"PhD bukan mengukur sejauh mana kepandaian seseorang itu, pandai itu bonus, tapi kalau kita rajin dan tunjuk kesungguhan kita dalam kerja kita pada supervisor kita, InshaAllah mereka akan bantu kita."



Teringat lagi kata-kata Prof Azah Mohamed, co-supervisor pengajian saya "PhD bukan mengukur sejauh mana kepandaian seseorang itu, pandai itu bonus, tapi kalau kita rajin dan tunjuk kesungguhan kita dalam kerja kita pada supervisor kita, InshaAllah mereka akan bantu kita."

Dan bagi diriku, cepat atau lambat itu sesuatu yang kebergantungan. Kalau dapat habiskan awal, itu kredit pada diri sendiri. Namun, tidak penting di mana anda bermula yang penting di mana anda berakhir. Tidak kira lambat atau cepat, janji apa yang diinginkan itu berjaya dilakukan sebaiknya. Dan, yang penting agar tidak selalu mendongak kelangit kerana ilmu yang telah diperolehi itu ibarat sebutir pasir di padang pasir. Banyak lagi lohong yang masih kosong di situ.

Jangan selalu mendongak kelangit kerana ilmu yang telah diperolehi itu ibarat sebutir pasir di padang pasir. Banyak lagi lohong yang masih kosong di situ



Graduate ONTIME

Bismillahirrahmanirrahim.

Jihad bagi meraih segulung ijazah sama ada di peringkat Sarjana atau Kedoktoran menuntut pengorbanan yang besar. Walaupun begitu, kejayaan meraih segulung ijazah bukanlah segala-galanya di dalam hidup ini. Setiap orang pasti mempunyai ceritera tersendiri. Hakikat bahawa rezeki masing-masing telah tertulis sejak azali, ada yang baik sedikit nasibnya diizinkan Yang Maha Esa meraih ijazah yang diidamkan dalam masa yang ditetapkan atau 'graduate on time' (GOT). Ada pula kurang baik sedikit nasibnya, diuji Yang Maha Esa. Hakikatnya kedua-duanya diuji Yang Maha Esa, siapa yang lebih benar imannya dalam menerima ketentuan. Bagi yang bernasib baik, usaha atau 'effort' itu menjadi penyebab (asbab) bagi merealisasikan ketentuan azali. Di kesempatan kali ini, saya ingin berkongsi dua asbab yang difikirkan penting berdasarkan pengalaman saya sendiri supaya dapat menjadi panduan kepada rakan-rakan pembaca.

Persediaan Awal

Pepatah Inggeris berbunyi '*failing to plan is planning to fail*' dengan maksud gagal merancang adalah merancang untuk gagal adalah indikasi betapa pentingnya persediaan awal sebelum apa jua perkara yang hendak dilaksana. Merancang sebelum memulakan pengajian adalah satu kemestian bagi memastikan arah tuju jelas dan gerak kerja sentiasa terfokus di kemudian hari. Setahun sebelum memulakan pengajian, saya telah berkomunikasi secara aktif dengan penyelia bagi menghasilkan kertas cadangan awal projek. Komunikasi secara berterusan juga membolehkan saya memahami hati nurani penyelia bagi memastikan adanya keserasian di antara kami. Perlu diingat bahawa kita akan berjumpa penyelia hampir setiap hari sepanjang tempoh pengajian. Oleh kerana itu keserasian dan saling memahami adalah satu, elemen yang penting untuk diselidiki sebelum memulakan pengajian. Hasil daripada persediaan awal, penulis jelas dengan apa yang perlu dibuat sejak hari pertama mendaftar dan alhamdulillah saya telah dapat menerbitkan jurnal pertama setahun selepas mendaftar.



Menerima sejangkit bunga daripada isteri penulis setelah pengumuman lulus proses 'thesis defense'

"Gagal merancang adalah merancang untuk gagal adalah indikasi betapa pentingnya persediaan awal sebelum apa jua perkara yang dilaksanakan"

Pengurusan cabaran

saya dan isteri, kami berdua berjihad menuntut ilmu bersama tiga orang anak kecil berusia enam, lima dan dua tahun. Cabaran anak-anak kecil tidak menghalang semangat kami bagi mencapai matlamat. Apa yang penting adalah bagaimana menguruskan cabaran dan konflik yang sedia ada. Kami memastikan masa di makmal digunakan sepenuhnya daripada jam 9 pagi hingga 4 petang (5 hingga 6 jam sehari) bagi kerja-kerja penyelidikan. Kemudiannya pada waktu malam selepas anak-anak tidur, kami menyambung semula kerja penyelidikan untuk 1 hingga 2 jam. Dengan pengurusan masa sebegini, kami memastikan sekurang-kurangnya 6 jam sehari diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelidikan.


Walaupun pengurusan masa sudah kelihatan bagus, hakikatnya cabaran lebih besar menanti iaitu bagaimana mendidik diri saya dan isteri untuk berdisiplin dan fokus sepanjang masa bekerja 6 jam tersebut. Pada mulanya kami menghadapi masalah mendisiplinkan diri kerana telah terbiasa dengan cara kerja di Malaysia yang kurang fokus ('facebooking and Internet browsing'). Pada satu hari kami telah ditegur rakan sekerja 'Swedish' kerana terlalu asyik ber'facebooking'. Teguran tersebut telah berjaya mengubah cara bekerja kami. Kami hanya fokus pada kerja penyelidikan sepanjang waktu bekerja dengan mengurangkan secara signifikan ketagihan ber'facebooking' dan 'Internet browsing'.

Alhamdulillah, hasil daripada pengurusan cabaran secara positif ini, kami berjaya memenuhi keperluan bergraduasi dengan menerbitkan 4 jurnal masing-masing. Kenangan paling manis bagi kami berdua apabila pada tahun akhir isteri saya telah memenangi 'Young Scientist Award' di persidangan antarabangsa dan saya sendiri telah berjaya mempertahankan tesis kurang daripada tempoh 4 tahun (tempoh purata adalah 5 tahun).

Sebagai rumusan, persediaan awal dan pengurusan cabaran (keluarga, masa, disiplin dan fokus) adalah dua asbab yang penting dan signifikan dalam membantu saya meraih matlamat yang dikejar. Jika kita perhatikan dengan mendalam, kedua-dua asbab ini melibatkan banyak aspek kemahiran lembut (soft skill) berbanding kemahiran teknikal. Aspek 'soft skill' ini pula melibatkan emosi dan sikap yang mana pada pandangan penulis memerlukan jihad yang besar bagi mendidik diri sendiri ke arah perubahan emosi dan sikap yang positif. Walau bagaimanapun, apabila perubahan emosi dan sikap positif telah dicapai dan usaha lain telah dibuat, wajib bagi kita menerima ketentuan Yang Maha Esa jika masih tidak dapat meraih matlamat yang dikejar.

Akhir kalam, harapan saya semoga perkongsian yang tidak seberapa ini dapat memberi manfaat kepada rakan pembaca khususnya yang akan dan sedang menyambung pengajian di dalam atau luar negara. Saya doakan yang terbaik dan sesungguhnya segala yang berlaku ada hikmahnya. Hanya Yang Maha Esa mengetahui segala-galanya.


Nukilan daripada Tingkat 18 Bangunan Hijau MIT,
Dr. MOHD RIDUAN AHMAD
Pensyarah kanan (Jabatan Kejuruteraan Komputer), FKEKK,
Felo pos-doktoral (Elektromagnetik), MIT, Cambridge, USA.



Anak-anak menerima hadiah krismas daripada penyelia pos-doktoral di MIT. Kami sekeluarga menerima jempunan makan tengahari sempena hari krismas



Anak-anak bergambar di hadapan pintu masuk MIT



Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Wacana Eksekutif TRANSFORMASI PEMACU KECEMERLANGAN UNIVERSITI



5 Januari 2016 – Selaras dengan perkembangan sektor pendidikan tinggi yang semakin berkembang pesat, gerak kerja dari aspek pentadbiran dan pengurusan Universiti juga perlu dilihat semula agar kelancaran pengoperasian dapat dioptimumkan. Pelbagai perancangan dan usaha telah dijalankan di peringkat Kementerian demi memastikan peningkatan berterusan dapat dikecapi pendidikan tinggi negara dan diselarikan dengan hasrat serta hala tuju yang telah ditetapkan oleh Kerajaan menerusi Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi).

Kaedah pentafsiran terhadap tahap kecemerlangan sesebuah Universiti Awam berdasarkan kepada pencapaian prestasi melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan sentiasa diberi perhatian oleh pihak Universiti dalam memastikan kebersamaan dalam memartabatkan sektor pendidikan tinggi dapat dicapai. Selaras dengan keperluan kini yang lebih dinamik, maka penambahbaik terhadap gerak kerja amat diperlukan demi kesinambungan usaha sedia ada.

Selari dengan iklim sektor pendidikan tinggi yang kini dipacu dengan perubahan-perubahan signifikan demi hasil yang berimpak tinggi, pihak Universiti menerusi Jawatankuasa Pelaksana Transformasi UTeM telah mengadakan Wacana Eksekutif bertajuk "Transformasi Pemacu Kecemerlangan Universiti".

Wacana Eksekutif ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah, Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau merupakan perintis kepada program transformasi di Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah berjaya mentransformasikan universiti untuk agenda APEXnya.

Pelbagai input berguna telah dikongsikan bersama pada program ini antaranya berkaitan asas-asas pelaksanaan



transformasi, prinsip-prinsip yang digunakan dalam membangun dan melaksana Program Transformasi di USM, aktiviti-aktiviti atau program-program yang dilaksanakan bagi mendorong kejayaan Program Transformasi di USM dan kaedah yang digunakan dalam pembudayaan transformasi di kalangan warga Universiti.

Program yang berlangsung selama dua setengah jam ini telah diakhiri dengan sesi soal jawab dan penyampaian cenderahati oleh Naib Canselor kepada penceramah.



Oleh: Mahathir bin Mazizan

JOM!! MASUK IPT 2016



Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Kali Ke-12 Tahun 2016 telah mula diadakan di enam (6) zon terpilih mulai Januari hingga April 2016. Objektif utama pelaksanaan KPTN adalah seperti berikut:

- 1 Mempromosi serta menyebarkan luas maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baru yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan institusi lain bagi Sesi Akademik 2016/2017;
- 2 Mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA dan Politeknik, Kolej Komuniti & ILKA melalui UPUOnline.
- 3 Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke UA yang menggunakan paksi 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum; dan
- 4 Memotivasikan dan mendidik pemohon dalam menyebarkan luas maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di IPT, Politeknik dan ILKA dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

Jadual/Kalendar Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2016

| Zon | Tarikh | Negeri | Lokasi |
|-------|------------------|---|---|
| Zon 1 | 30 - 31 Jan 2016 | Kedah Perlis Pulau Pinang Perak (Utara) | Perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah |
| Zon 2 | 13 - 14 Feb 2016 | Terengganu Kelantan Pahang | Dataran DABS, Kampus Gong Badak, UNISZA, Kuala Terengganu, Terengganu |
| Zon 3 | 20 - 21 Feb 2016 | Johor Melaka | PERSADA, Johor Bahru, Johor |
| Zon 4 | 5 - 6 Mac 2016 | Sabah WP Labuan | One Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah |
| Zon 5 | 19 - 20 Mac 2016 | Sarawak | Pullman Hotel & Hill Shopping Mall, Kuching, Sarawak |
| Zon 6 | 2 - 3 Apr 2016 | Selangor Perak (Selatan) WP (KL & Putrajaya) Negeri Sembilan | Dataran Gemilang, UKM, Bangi, Selangor |

Secara ringkasnya, karnival ini adalah bertujuan menjadi Pusat Sehati (One-Stop Centre) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, pelajar, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf di peringkat pengajian program Asasi, Diploma, Ijazah Pertama serta Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia.

KPTN ini juga menjadi saluran utama bagi menyebarkan luas maklumat mengenai dasar kerajaan terkini selaras dengan NKRA yang mengutamakan kepentingan rakyat bagi menjamin kredibiliti kerajaan untuk merealisasikan Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

BENGKEL SKIM Ex-Gratia BENCANA KERJA 2016



Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1994 di mana ianya hanya diguna pakai untuk pegawai berjawatan tetap sahaja. Pada tahun 2001 melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001, Kerajaan telah memanjangkan pemakaian Skim Ex-Gratia Bencana Kerja kepada staf berjawatan sementara dan kontrak.

Walau bagaimanapun, Perbendaharaan telah melaksanakan pemurnian semua Pekeliling termasuk Pekeliling di atas dan menggantikannya dengan satu dokumen versi baru yang dikenali sebagai 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Pekeliling berkenaan kini dikenali sebagai WP 6.2/2013 dan WP 6.3/2013. Terkini adalah Pekeliling WP 6.3 telah dipinda berkuat kuasa mulai 1 Julai 2015.

Sehubungan itu, satu bengkel khusus bagi membincangkan mengenai pemakaian dan pindaan WP 6.3 terhadap Skim Ex-Gratia Bencana Kerja di UTeM telah diadakan pada 3 Februari 2016 bertempat di Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar UTeM. Bengkel ini turut disertai oleh pihak Perbendaharaan Malaysia yang diwakili oleh pegawai dari Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan iaitu Encik Muhammad Henry Chong. Pihak-pihak yang terlibat dalam bengkel khusus ini termasuklah pihak pentadbiran Universiti yang berkaitan seperti Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), Pusat Kesihatan dan Pejabat Keselamatan (Polis Bantuan UTeM).

Hasil dari perkongsian maklumat bersama pihak Perbendaharaan dan perbincangan menyeluruh bersama peserta bengkel, bengkel ini berjaya mencapai objektifnya iaitu; memberi pendedahan holistik kepada pihak pentadbiran Universiti terhadap dasar Ex-Gratia serta pindaan terbaru Skim berkenaan bagi tujuan pemakaian di UTeM, memberi penerangan serta penjelasan menyeluruh dan terperinci kepada peserta bengkel akan penambahbaikan Skim, mengalakkan perkongsian pendapat dan pengalaman antara pihak pentadbiran Universiti bersama pihak Perbendaharaan bagi pengurusan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja yang lebih efektif dan efisien seterusnya memurnikan pindaan serta pemakaian Pekeliling WP 6.3 di UTeM.



LAWATAN PENANDA ARAS LEAN MANAGEMENT SYSTEM DI UPM



Pejabat Pendaftar telah mengadakan Lawatan Penanda Aras *Lean Management System* ke Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 8 Mac 2016.

Lawatan penanda aras ini diadakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar yang dipengerusikan oleh En. Wahi bin Nordin (sebagai Wakil Pengurusan) untuk melihat keperluan *Lean Management System* dalam membuat penambahbaikan sistem kualiti di Pejabat Pendaftar terutamanya dalam menghadapi keadaan semasa pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Lawatan ini disertai oleh 10 orang penyelaras dan ahli Jawatankuasa Pelaksana ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar.

Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kaedah-kaedah *Lean Management System* di Universiti Awam yang lain. UPM merupakan perintis di kalangan 20 Universiti Awam Malaysia bagi melaksanakan *Lean* dengan 14 projek Pengurusan Lean@UPM yang sedang berjalan. Pendaftar UPM, YBhg. Dato' Wan Azman bin Wan Omar juga telah diiktiraf sebagai *Lean Champion* oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC).

Taklimat Lawatan *Lean Management System* ini telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Supian (Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia). Para peserta lawatan juga didedahkan mengenai Kaedah Pelaksanaan *Lean*, Struktur *Lean*, SIPOC Diagram, serta Kaedah *Value Stream Mapping* (VSM).



Pejabat Pendaftar berhasrat untuk membangunkan kaedah dan struktur *Lean* ini serta melaksanakan projek perintis *Lean* bagi tahun 2016. Insyaallah.



Tahiah
 sebagai Raja Sehari.....
 detik terindah... 2 Februari 2016

Ejam  *Para*




Pejabat Pendaftar | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | Hang Tuah Jaya | 76100 Durian Tunggal Melaka
 Tel: 06-555 2000 Faks: 06-331 6114 email: pendaftar@utem.edu.my



Tahiah *اونيور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك* atas kelahiran cahaya mata....

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Ainur Sofea
 binti Mohd
 Fadzli

D.O.B: 2 Ogos 2015

ibu:
 Siti Rohani binti
 Manan

Nur Aisyah
 Aqilah binti
 Mohamed Rizal

D.O.B: 24 Nov 2015

ibu:
 Nurul Haina binti
 Abu Bakar

Muhammad
 Eijjaz Irfan bin
 Mohd Fairuz

D.O.B: 31 Jan 2016

ibu:
 Norsuria binti
 Azis

Muhammad
 Adib bin Roslan

D.O.B: 27 Feb 2016

ibu:
 Suzita binti Yusuf

